

P. Moral
MODUL
SENTUHAN
AKHIR
2½ Jam

NAMA :

TINGKATAN :

**SET MODUL SENTUHAN AKHIR
PENDIDIKAN MORAL
TINGKATAN 5**

**PENDIDIKAN MORAL
Dua Jam Tiga Puluh Minit**

SET 3

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **Tiga** bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A, **satu** soalan dalam Bahagian B dan **semua** soalan dalam bahagian C.*
3. *Tulis jawapan dalam ruangan yang disediakan pada kertas soalan.*

Disediakan oleh

**PANEL PERUNDING MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN MORAL
NEGERI JOHOR**

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
B	6	10	
	7	10	
C	8a	10	
	8b	10	
	9a	10	
	9b	10	
Jumlah		100	

Kertas Soalan ini mengandungi 10 muka surat bercetak

JAWAPAN SENTUHAN AKHIR PENDIDIKAN MORAL KSSM SPM TAHUN 2021

BAHAGIAN A [50m]

Jawab semua soalan

1.		Kes penderaan kanak-kanak bukanlah perkara baru dalam negara ini. Malangnya semakin meningkat dari tahun ke tahun. Penderaan kanak-kanak ini boleh dikelaskan kepada beberapa jenis, antaranya ialah penderaan fizikal, penderaan mental dan penderaan seksual.
----	---	--

- a. Nyatakan kesan penderaan kepada kanak-kanak. [2m]
 - i. Kanak-kanak cedera.
 - ii. Sentiasa rasa takut.
- b. Ibu dan ayah kandung serta pengasuh merupakan golongan yang paling banyak terlibat dalam kes penderaan kanak-kanak.
Jelaskan punca berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak. [4m]
 - i. Hubungan ibubapa bermasalah kerana pergaduhan ibubapa berlaku.
 - ii. Ibubapa tidak ada wang, mereka pukul anak.
- c. Penderaan kanak-kanak adalah perbuatan yang tidak berperikemanusiaan. Cadangkan langkah yang perlu diambil oleh ahli masyarakat dalam menangani masalah penderaan kanak-kanak. [3m]
 - i. lapor pada polis
 - ii. Memberi kaunseling
 - iii. Pergi kelas keibubapaan
 - iv. Memberi pendidikan agama
- d. Namakan akta yang dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk melindungi kanak-kanak. [1m]
Akta Kanak-Kanak.

2. Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya negara kita. Rakyat perlu bijak dalam memilih organisasi untuk mentadbir negara.



- a. Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas diberi hak untuk menjadi pengundi dalam pilihanraya.
Senaraikan prosedur untuk menjadi pengundi dalam pilihanraya. [3m]
- Mendaftar sebagai pengundi.
 - Mengundi pada hari pilihanraya.
 - Menyemak nama dalam semakan daftar pengundi.
- b. Cerakinkan kepentingan warganegara melibatkan diri dalam pilihan raya. [4m]
mereka pergi undi. memilih pemimpin negara.
Menjamin kestabilan negara dan memberi setia kepada negara.
- c. Pada pendapat anda, apakah usaha kerajaan untuk menggalakkan warganegara Malaysia mendaftar sebagai pengundi ? [2m]
- Cikgu ajar di sekolah suruh pergi jadi pengundi.
 - Melalui media sosial seperti instagram pergi jadi pengundi.
- d. Memiliki dokumen sah sebagai rakyat sesebuah negara adalah hak warganegara. Namakan dokumen sah tersebut. [1m]
Kad pengenalan.

3. Maklumat berikut berkaitan dengan penyebaran maklumat palsu yang kerap berlaku dalam masyarakat kini.

The infographic is divided into two main sections. The left section shows a screenshot of a WhatsApp message from a contact named 'Yah Tn KPD Gerik'. The message text reads: 'Di Gerik hari ini diperakui satu lagi kematian berlaku melibatkan anggota polis. Komplikasi suntikan vaksin dos ke 2. Salam takziah. Semoga kebajikan ahli keluarga arwah terjaga.' Below the message is a document titled '*LAPORAN HOSPITAL ANGGOTA MAJLIS*' with a large red 'PALSU' (Fake) stamp. The document lists personal details like name, age, and address, and mentions a medical complication. The right section is titled 'Jangan Terjebak Sebar Berita Palsu!' (Don't Get Trapped Spreading Fake News!). It states that police have opened 94 cases related to COVID-19 fake news. It includes statistics: 6 cases are being discussed in court, 5 of which have admitted guilt, and 80 cases remain in the investigation. At the bottom, a 'SEMAK SEBELUM SEBAR' (Check Before Spreading) section provides a three-step guide: 1. BACA (Read) - If you find something interesting, check it with others. 2. SEMAK (Check) - Take time to verify the truth and facts. 3. SEBAR (Spread) - Only spread after being sure of the truth. The source is 'InfografikMKN'.

- a. Sebagai seorang pengguna media sosial, jelaskan perasaan anda jika mendapat berita seperti di atas yang belum tentu kebenarannya. [3m]
 Marah kerana boleh rasa takut dan berlaku huru hara dalam masyarakat.

- b. Nyatakan kesan negatif daripada penyebaran berita palsu dalam kalangan masyarakat. [2m]
 - i Menjejaskan imej masyarakat.

 - ii Menjejaskan perpaduan.

- c. Bagaimanakah anda mengaplikasikan amalan penggunaan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat dalam kehidupan harian ? [4m]
 - i Saya akan memastikan maklumat itu benar. Saya dapatkan pengesahan daripada pihak yang Berkaitan.

 - ii Saya akan tidak memuat naik isu sensitif. Contohnya isu perkauman.

- d. Namakan portal rasmi yang bertanggungjawab untuk menyemak kesahihan maklumat. [1m]
 SEBENARNYA.MY

4. Gambar ini menunjukkan Pertubuhan IKRAM Malaysia melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam memerangi rasuah.



- a. Berdasarkan gambar di atas, nyatakan maksud rasuah. [2m]
Rasuah ialah perbuatan memberi dan menerima wang.
.....
.....
- b. Ramalkan kesan negatif daripada amalan tidak berintegriti ini jika ianya berleluasa dalam sesebuah organisasi. [2m]
Menjejaskan mutu kerja.
Menjejaskan imej organisasi.
.....
.....
- c. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara meningkatkan integriti dalam kalangan penjawat awam ? [4m]
- i. Penjawat awam harus mematuhi kod etika kerja.
Organisasi harus melaksanakan program kesedaran memerangi jenayah rasuah.
.....
.....
- ii. Penjawat awam perlu mengelakkan penyelewengan kerja.
Organisasi harus menguatkuasakan semua peraturan.
.....
.....
- d. Amalan integriti dalam organisasi boleh mewujudkan suasana kerja yang harmoni. Sebagai seorang pekerja dalam sebuah organisasi. Terangkan alasan mengapa pentingnya integriti. [2m]
Orang ramai akan yakin pada organisasi kerana mereka berasa puasa hati.
.....
.....
.....

5. Teliti Maklumat 1, Maklumat 2 dan Maklumat 3 di bawah.

CIRI-CIRI TADBIR URUS YANG BAIK • Fokus kepada pelanggan • Beretika • Ketelusan • Akauntabiliti dan integriti • Efektif dan efisien • Pengurusan perubahan Maklumat 1	RAKYAT BERINTEGRITI NEGARA DISANJUNGI Maklumat 2 Penjawat awam ambil rasuah makin serius Maklumat 3
---	--

Integriti merupakan tonggak utama dalam amalan tadbir urus yang baik dalam sesebuah organisasi. Perbuatan yang tidak berintegriti akan menyebabkan imej, persepsi dan kepercayaan masyarakat akan terjejas, bak kata pepatah 'Kerana Nila Setitik, Rosak Susu Sebelanga'.

a. Maklumat 1 menunjukkan ciri-ciri tadbir urus yang baik. Apakah yang anda faham tentang Tadbir Urus Yang Baik ? [2m]

Tadbir urus yang baik ialah ara melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemat.

b. Berdasarkan slogan dalam Maklumat 2, apakah perasaan anda sekiranya berjaya menghayati dan mengamalkan integriti demi pembangunan negara ? Jelaskan. [3m]

Gembira kerana dapat berbakti kepada negara dan sebagai tanda sayang dan cinta akan negara.

c. Merujuk keratan akhbar dalam Maklumat 3, gejala rasuah atau penyalahgunaan kuasa dalam perkhidmatan awam telah mencalarakan imej kerajaan. Berikan justifikasi anda terhadap kenyataan di atas. [4m]

i. Menjejaskan kecekapan dalam pentadbiran, jadi rakyat tidak percaya kerajaan.

ii. Pelabur asing tidak percaya kepada Malaysia, menjejaskan imej baik negara.

d. Apakah rumusan yang dapat anda nyatakan daripada keseluruhan maklumat yang diberi ? [1m]

Tadbir urus yang baik dapat meningkatkan imej negara.

BAHAGIAN B [10m]

Jawab mana-mana satu soalan dalam bahagian ini.

6. Maklumat berikut berkaitan dengan penyebaran maklumat palsu yang kerap berlaku dalam masyarakat kini.



Sebagai masyarakat yang prihatin, bincangkan peranan pengguna media sosial yang berhemah bagi merealisasikan hasrat di atas iaitu menghentikan sebaran berita palsu.

Huraikan jawapan anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10m]

..... Nilai-nilai universal yang diamalkan ialah nilai rasional. Nilai berdikari. Nilai kejujuran. Nilai kebebasan.:

..... Pengguna media sosial harus memastikan kebenaran sesuatu maklumat sebelum menyebarkannya. Berita palsu boleh menimbulkan keadaan huru hara dalam masyarakat. Contohnya, maklumat palsu tentang wabak covid 19. Orang ramai akan takut.:

..... Mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berkaitan. Kalau tiada kebenaran, pihak berkenaan akan marah.:

..... Pengguna media sosial juga perlu menyatakan daripada sumber mana sesuatu maklumat diperolehi. Pengguna internet boleh cari maklumat lanjut daripada sumber berkenaan.:

..... Pengguna media sosial tidak boleh mengubah suai sesuatu isu sesuka hati kerana akan timbul pergaduhan.:

Jwp. rujuk BTT5 ms49

7. Gambar dan berita berikut berkaitan penyelewengan kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan Johor.



JOHOR BAHRU : Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan tujuh petugas kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan urusan cukai jalan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi lebih 1,000 jenis kenderaan bermotor, membabitkan kerugian RM3.1 juta.

Sumber : Harian Metro

Perbuatan tidak berintegriti oleh seseorang individu bukan sahaja boleh menjejaskan diri sendiri, malah memberikan impak negatif kepada keluarga dan negara. Jelaskan implikasi yang akan wujud apabila amalan integriti dalam sesebuah organisasi tidak dipraktikan. [10m]

Orang ramai tidak percaya organisasi itu. Contohnya, orang ramai akan berasa takut untuk membayar cukai jalan.

Implikasinya ialah memburukkan nama organisasi itu dan juga para pekerjanya. Semua pegawai dianggap tidak berintegriti. Keluarga para pegawai itu juga akan dipandang serong.

Implikasinya ialah memburukkan imej negara. Negara juga akan rugi. Pelabur asing tidak percaya negara. Produktiviti organisasi juga akan merosot. Contohnya, jika para pekerja tidak menepati masa, tidak dapat menghasilkan produk yang banyak.

jwp rujuk BTT5 ms65

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor
Bahagian C [40 markah]

Jawab **semua** soalan daripada bahagian ini.



Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan
memperuntukkan warganegara Malaysia
kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.
Rakyat Malaysia boleh menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan saluran yang betul, tetapi bukan melalui provokasi yang boleh mengancam perpaduan kaum dan keamanan negara.

- 8a. Bincangkan bagaimana rakyat Malaysia boleh menyuarakan ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan menggunakan saluran yang betul ? [10m]

Terdapat beberapa cara rakyat boleh menyuarakan rasa ketidakpuasan dan pandangan mereka kepada pihak berkuasa dengan menggunakan saluran yang betul.

Antaranya, menulis surat kepada pihak berkenaan. Rakyat juga boleh berjumpa dengan ketua jabatan berkenaan.

Boleh terus sampaikan rasa tidak puas hati kepada ketua pihak berkenaan. Kedua-dua pihak bolehlah menyelesaikan masalah.

Rakyat menulis surat kepada media massa. Dapat menarik perhatian orang ramai dan pihak berkuasa. Masalah mereka dapat diselesaikan dengan baik.

Rakyat Malaysia boleh menyampaikan pandangan dan ketidakpuasan melalui media sosial. Dapat banyak komen daripada netizen. Membantu menyelesaikan masalah. Mudah menarik perhatian pihak berkuasa.

Kesimpulannya, semua pihak perlu menyuarakan rasa tidak puas hati melalui cara yang betul supaya dapat menjamin keamanan.

- 8b. Semasa menggunakan hak kebebasan bersuara dan berhimpun, rakyat Malaysia harus mematuhi batasan tertentu agar tindakan yang diambil tidak menyalahi Perlembagaan Malaysia dan menjamin kesejahteraan rakyat.

Bagaimanakah seseorang warganegara mengamalkan hak dan tanggungjawab untuk kebebasan bersuara dan berhimpun ?

Terangkan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [10m]

Nilai-nilai universal yang diamalkan ialah nilai hormat. Nilai harga diri. Nilai toleransi. Nilai patriotisme. Nilai rasional. Terdapat beberapa cara seseorang warganegara mengamalkan hak dan tanggungjawab untuk kebebasan bersuara dan berhimpun.

Caranya ialah rakyat jangan bercakap tentang isu-isu sensitif kerana ini adalah salah di sisi undang-undang. Rakyat bercakap isu sensitif akan melukakan hati sesetengah pihak. Ini boleh berlaku pergaduhan. Bercakap isu sensitif boleh mengancam keamanan negara.

Rakyat mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak polis. Mereka harus mendapatkan kebenaran pihak polis untuk berhimpun. Mereka harus mematuhi masa dan tempat berhimpun. Mereka mesti berhimpun secara aman.

Rakyat tidak melakukan keganasan semasa berhimpun. Mereka tidak boleh merosakkan harta benda awam atau harta persendirian.

Kesimpulannya, rakyat yang berhimpun harus sentiasa mematuhi Perlembagaan Malaysia untuk menjaga keamanan negara.

9. Berikut merupakan aktiviti yang dijalankan oleh Rukun Tetangga.



- a. Berdasarkan iklan di atas, jelaskan kepentingan Rukun Tetangga kepada komuniti setempat berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [12m]

Nilai universal yang diamalkan ialah nilai kerjasama. Nilai hormat. Nilai toleransi. Nilai kasih sayang. Nilai rasional.

Kepentingan Rukun Tetangga ialah menjadikan kawasan kejiranan lebih selamat. Mereka mengadakan rondaan secara bergilir-gilir pada waktu malam. Keselamatan kawasan kediaman lebih terjamin.

Kawasan kediaman juga bersih, ceria dan bebas daripada penyakit. Mereka bergotong royong membersihkan kawasan kediaman.

Komuniti setempat dapat meningkatkan semangat perpaduan sesama jiran. Contohnya, mereka melakukan pelbagai aktiviti seperti gotong royong. Mereka juga membantu masyarakat mengenali jiran tetangga. Dengan itu, mereka tidak akan berlaku berlaku pergaduhan.

Kesimpulannya, masyarakat setempat harus menyertai dan menyokong setiap program yang dijalankan oleh rukun tetangga.

- 9b. Selain penubuhan Rukun Tetangga, bincangkan aktiviti-aktiviti lain yang boleh dijalankan oleh masyarakat untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. [8m]

Aktiviti yang boleh dijalankan ialah majlis rumah terbuka. Ini dapat mengetahui adat dan budaya sesuatu kaum.

Pelbagai jenis makanan tradisional yang dihidangkan. Kita mengenali makanan tradisional sesuatu kaum. Dengan itu, persefahaman akan meningkat dan perpaduan menjadi lebih kukuh.

Aktiviti sukaneka dan pertandingan acara sukan boleh dijalankan. Masyarakat pelbagai kaum perlu saling membantu dalam menganjurkan aktiviti ini. Anak-anak muda dapat merapatkan hubungan sesama mereka. Perpaduan dapat dipupuk sejak kecil lagi. Aktiviti ini dapat mengelakkan golongan muda terlibat dalam gejala sosial.

Kelas agama boleh diadakan kerana akan melahirkan generasi yang berakhlak mulia yang menjadi asas kepada kesejahteraan masyarakat.

Kesimpulannya, masyarakat harus memberikan sokongan kepada semua aktiviti yang dianjurkan demi kebaikan Bersama.

Kertas Jawapan Tamat